

# Lembaran baru dengan Laos

© By M. Overseas. 11 APR 1994

Daripada  
KHALID MOHD

**V**IENTIANE 18 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengakhiri lawatan rasminya ke Laos hari ini yakin satu lembaran baru telah dapat dibuka dalam hubungan kedua-dua buah negara yang akan menggerakkan kegiatan perdagangan dan memperkukuhkan hubungan diplomatik.

Sebelum berlepas pulang ke tanah air, Perdana Menteri memberitahu para wartawan bahawa terdapat berbagai-bagai kerjasama yang boleh dilaksanakan di peringkat kerajaan dan sektor swasta bagi kepentingan bersama.

Apa yang perlu dilakukan sekarang, katanya, ialah memastikan kedua-dua belah pihak mengambil langkah-langkah susulan supaya apa yang telah dipersetujui dalam rundingan dapat dilaksanakan.

Menurut beliau, semasa mengadakan rundingan dua hala dengan Perdana Menteri Laos, Khamtay Siptandone, Malaysia menyatakan kesediaan untuk membantu negara itu dalam program-program pembangunannya terutama sekali dalam bidang latihan.

Pihak Tenaga Nasional Berhad telah pun menandatangani memorandum persefahaman dengan Lembaga Elektrik Laos (LEL) semalam di mana mereka antara lain akan melatih kakitangan LEL.

Untuk memudahkan kegiatan perdagangan pula, Bank Negara Malaysia dan Bank Negara

Laos menandatangani perjanjian peraturan pembayaran dua hala.

Sebelum ini Malaysia sudahpun menandatangani tiga perjanjian dengan Laos iaitu perjanjian jaminan pelaburan, perjanjian bagi kerjasama ekonomi, sains dan teknikal dan perjanjian perkhidmatan udara.

## Harapan

Perdana Menteri yakin dengan perjanjian-perjanjian ini harapan untuk melihat hubungan yang lebih cergas dalam bidang perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dengan Laos akan menjadi kenyataan.

Beliau juga mahu para usahawan Malaysia mengadakan lawatan yang

lebih kerap ke Laos untuk meneruskan apa yang telah mereka mulai dalam lawatan ini dan terus mencari ruang-ruang baru di mana terdapat peluang pelaburan dan perdagangan.

Menjawab pertanyaan, Dr. Mahathir berkata, terdapat keperluan untuk mengadakan hubungan udara dengan Vientiane memandangkan perjanjian sudahpun ditandatangani.

Buat masa ini hubungan dengan Vientiane hanyalah melalui Bangkok dan bilangan penerbangan yang amat terhad.

Pada keseluruhannya, Dr. Mahathir menyifatkan lawatannya ke Laos, yang pertama oleh seorang Perdana Menteri Ma-

laysia, sebagai amat berjaya dari segi memperkukuhkan hubungan dan mendekatkan para pemimpin kedua-dua buah negara.

Sementara itu semasa diminta mengulas Akta Akhir Rundingan Pembebasan Perdagangan Pusingan Uruguay di Marrakesh Jumaat lepas, Dr. Mahathir berkata:

“Malaysia akan terus membincangkan isu-isu berbangkit meskipun perjanjian itu telah ditandatangani.”

Beliau mengulangi bahawa Malaysia tidak dapat menerima perkara gaji minimum dan dasar mengaitkan isu hak asasi manusia dengan soal perdagangan. — *Utusan*.